

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN
HAJI IBRAHIM [KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 5.11.2015

SOALAN :

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak-pihak sekolah telah mula memberi penekanan terhadap aspirasi pelajar dalam PPPM yang mempunyai enam atribut iaitu etika dan kerohanian, kemahiran memimpin, identiti nasional, kemahiran bahasa, kemahiran berfikir dan pengetahuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia berhasrat untuk membangunkan masyarakat berdaya saing, bersatu dan mempunyai daya tahan yang tinggi dalam berdepan dengan cabaran dan kesukaran. Untuk merealisasikan hasrat ini, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah dibangunkan dan menetapkan enam (6) aspirasi murid bagi membangunkan murid secara holistik agar mempunyai saing yang tinggi serta mampu menangani cabaran global.

Daripada segi kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang lebih holistik dan menekankan pengajaran dan pembelajaran yang lebih dinamik di mana murid akan lebih aktif menerusi usaha kolaboratif di dalam bilik darjah. Enam (6) atribut iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, dan identiti nasional diterapkan dalam kurikulum persekolahan bagi menyediakan murid dengan kemahiran yang diperlukan untuk bersaing di peringkat global.

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) pula adalah satu cara pentaksiran yang lebih seimbang kerana aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek ditaksir dan tidak bertumpu kepada pencapaian akademik semata-mata, selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Penerapan soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) secara berperingkat dalam peperiksaan awam dilihat sebagai satu usaha murni Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam memastikan enam (6) aspirasi utama yang diperlukan oleh setiap murid di negara.

KPM mula memperkenalkan konsep pembelajaran abad ke-21 iaitu guru memainkan peranan penting sebagai pemudah cara untuk merangsang minda murid. Aktiviti bilik darjah memberi tumpuan kepada keperluan untuk mendapatkan maklumat dari dalam dan luar bilik darjah dan murid lebih bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka.

Kementerian melalui Anjakan 9 PPPM 2013 - 2025 mengiktiraf bahawa pembelajaran berlaku di luar lingkungan sekolah dan boleh berlaku di rumah dan dalam komuniti, justeru sekolah kini telah mula menyediakan persekitaran yang kondusif untuk jalinan hubungan kerja positif antara sekolah dengan ibu bapa dan komuniti. Menerusi ekosistem pendidikan yang lebih kondusif yang telah dijalankan di sekolah, Kementerian yakin matlamat PPPM akan dapat dicapai.

RJM36